



Ruj. Kami : KPM.500-3/1/1 Jld. 4 (93)
Tarikh : **22** April 2026

Semua Ketua Bahagian/Jabatan

Kementerian Pendidikan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PENGARAH,
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG10/12(KUJ) DI
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan sebagai **Penolong Pengarah, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG10/12(KUJ) di Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan (KPM)**. Sehubungan itu, BPSH ingin mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG10/12(KUP) di Bahagian/Jabatan di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

3. Pegawai-pegawai yang berminat untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut perlu memenuhi kriteria seperti syarat-syarat berikut:

Syarat-Syarat Umum:

- 3.1 Terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang sedang berada pada gred DG10 secara hakiki atau gred DG12 Khas Untuk Penyanggah (KUP) pada tarikh iklan dikeluarkan;
- 3.2 Memperolehi markah prestasi 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini (2023, 2024, 2025);
- 3.3 Bebas dari Tindakan tatatertib;
- 3.4 Telah mengisytiharkan harta (tempoh lulus isytihar harta melebihi lima (5) tahun);
- 3.5 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Ruj. Kami : KPM.500-3/1/1 Jld ()

Syarat-Syarat Khusus

- 3.6 Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda;
- 3.7 Mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang Pendidikan;
- 3.8 Sihat fizikal dan tidak mempunyai sakit kronik.

4. Pegawai yang berminat boleh mengemukakan dokumen seperti berikut:

- 4.1 Mengisi borang permohonan seperti di **Lampiran A**;
- 4.2 Kenyataan Ketua Jabatan di **Lampiran B**;
- 4.3 Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah;
- 4.4 Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemas kini dan diperakui sah; dan
- 4.5 Salinan sijil yang diakui sah.

5. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **30 April 2026** ke alamat seperti di bawah:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan
Aras 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p.: **Sektor Khidmat Pengurusan**)

6. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan ini boleh diajukan kepada **Puan Nur Azalila binti Shufa'at** di talian **03-8883 0673**.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD HANAFI BIN SAMAD)
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan